



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
09 MEI 2017 (SELASA)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- Geng samun restoran diburu 35
- Pengurusan restoran janji tingkatkan sistem kawalan keselamatan 35
- Pengusaha restoran perlu ambil langkah pencegahan jenayah 37



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| KERATAN AKHBAR 09 MEI 2017 (SELASA) | |
|--|----------------------------|
| Akhbar | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | Geng samun restoran diburu |
| Muka Surat | 35 |

Geng samun restoran *diburu*

SH 9/5/17
MYS 35

Polis mohon kerjasama orang awam beri maklumat dalam usaha kesan suspek terlibat

AHMAD ISMADI ISMAIL, NUR FARHANA ABDUL MANAN, NOR AZIHAN GHAZALI & MUHAMMAD FAIZ SULONG

AMPANG - Hasrat pelanggan mahu menjamu selera di sebuah restoran di Taman Melawati, Sabtu lalu terbantu apabila mereka menjadi mangsa samun sekumpulan penjenayah.

Video insiden yang menjadi tular di media sosial itu merakamkan suasana sebuah restoran yang dipenuhi pelanggan sebelum enam lelaki bersenjata parang meluru masuk ke premis berkenaan.

Kejadian kira-kira jam 9 malam itu dirakamkan sebuah kamera litar tertutup (CCTV) jelas memaparkan keadaan insiden tersebut.

Berdasarkan rakaman CCTV, enam penjenayah terbabit meluru masuk ke restoran dengan dua daripada mereka mengacukan parang ke arah pelanggan sebelum

INFO ● Polis sedang lakukan siasatan berdasarkan rakaman kamera litar tertutup (CCTV) dari restoran berkenaan

● Enam penjenayah terbabit meluru masuk ke restoran dengan dua daripada mereka mengacukan parang ke arah pelanggan sebelum merampas beg pelanggan

● Ketika kejadian kira-kira jam 9 malam, restoran itu hampir penuh dan pelanggan sedang menikmati makanan

● Kejadian itu mengakibatkan pelanggan dan pihak restoran kerugian RM29,745

merampas beg pelanggan.

Pelanggan tidak berani berbuat apa-apa kerana bimbang keselamatan diri dan hanya mem-



Penjenayah bersenjata parang menyamun sebuah restoran.

biarkan barangan mereka diambil sebelum semua suspek melarikan diri dengan menunggang tiga buah motosikal jenis Yamaha LC.

Difahamkan, penjenayah turut membawa lari wang dalam mesin tunai restoran berkenaan. Kejadian itu mengakibatkan pelanggan dan

pihak restoran kerugian RM29,745 selepas barangan berharga serta wang hasil jualan dilarikan penjenayah.

Susulan kejadian berkenaan, polis kini giat memburu kumpulan penjenayah dan meminta bantuan orang awam untuk memberikan maklumat berkaitan kes itu.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya Asisten Komisioner Hamzah Alias berkata, pihaknya kini menjalankan siasatan berdasarkan rakaman kamera litar tertutup (CCTV) dari restoran berkenaan.

"Orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung kejadian itu juga diminta memberi kerjasama dengan tampil atau menghubungi balai polis berhampiran bagi membantu siasatan," katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 395/397 Kanun Keseksaan kerana melakukan samun berkumpulan bersenjata.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| KERATAN AKHBAR 09 MEI 2017 (SELASA) | |
|--|---|
| Akhbar | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | Pengurusan restoran janji tingkatkan sistem kawalan keselamatan |
| Muka Surat | 35 |

Pengurusan restoran janji tingkatkan sistem kawalan keselamatan

SH
9/5/17
Ms 35

AMPANG - Pihak pengurusan sebuah restoran di Taman Melawati yang menjadi mangsa samun sekumpulan penjenayah akan mengambil langkah meningkatkan kawalan keselamatan di premis tersebut.

Menurut laman sosial Facebook (FB) restoran berkenaan, pihak pengurusan memohon maaf dan juga menyesal atas kejadian yang berlaku.

"Pihak pengurusan telah ambil tindakan untuk meningkatkan taraf sistem kawalan keselamatan pada pintu dan lain-lain sistem yang perlu untuk memastikan tidak berlaku lagi kejadian seperti ini," katanya.

Pengguna laman sosial turut memberi sokongan terhadap tindakan pihak pengurusan tersebut.

Salah seorang pengguna laman sosial berkata, jangan berhenti memberi sokongan pada restoran ini..

"Pihak restoran sudah berjanji untuk ketatkan sekuriti maka saya rasa, pisang tidak akan berbuah dua kali," katanya.

Seorang lagi pengguna



Status FB yang dimuat naik oleh pihak pengurusan restoran berkenaan.

laman sosial turut menyokong tindakan pihak pengurusan.

"Kita tidak boleh salahkan kedai ini, kejadian rompakan boleh berlaku di mana-mana sahaja, hatta di kedai lain yang terbuka, kita bukan tuhan yang tahu apa yang bakal berlaku, cuma kita hanya mampu berdoa moga dijauhkan daripada perkara-perkara buruk," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
09 MEI 2017 (SELASA)

| | |
|--------------|---|
| Akhbar | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | Pengusaha restoran perlu ambil langkah pencegahan jenayah |
| Muka Surat | 37 |

Pengusaha restoran perlu ambil langkah pencegahan jenayah

SH 9/5/17 M/S 37

PANDAN MEWAH – Pengusaha premis kedai makan atau restoran perlu meningkatkan lagi sistem keselamatan bagi mencegah dan memberantas kes jenayah.

Pengerusi Penyelaras Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Zon Pandan, Abd Haffidz Md Noor, pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di lokasi strategik juga dapat membantu penyiasatan pihak polis apabila berlaku jenayah.

“Pengusaha atau pemilik premis disarankan merangka pelan kecemasan sekiranya berlaku kejadian jenayah seperti pemasangan alat penggera.”

“Kesefahaman dan

Pengusaha premis disarankan merangka pelan kecemasan sekiranya berlaku jenayah seperti pemasangan alat penggera.”

- Abd Haffidz

kerjasama di antara jiran di kawasan premis restoran dan kedai makan juga perlu dipertingkatkan, mereka boleh memaklumkan segera kepada pihak berkuasa untuk tindakan lanjut,” katanya.

Katanya, pemilik premis berkenaan juga perlu me-



nyediakan notis peringatan kepada pengunjung agar sentiasa menjaga keselamatan barangan yang dibawa.

“Pengusaha premis juga boleh menyediakan sistem pengawasan oleh kakitangan mereka dari bilik kawalan premis untuk memantau



Pemasangan CCTV di restoran mampu membantu polis melakukan siasatan.

keadaan.

“Polis juga perlu meningkatkan rondaan di kedai

makan yang beroperasi pada waktu malam khususnya di kawasan terpencil yang ber-

kemungkinan menjadi sasaran penjenayah,” katanya.